



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Blok 2. Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# **SIARAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

**MAJLIS PEMBANGUNAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL WILAYAH  
PERSEKUTUAN (MPPPKWP) MEMANTAPKAN EKONOMI DAN SOSIAL  
GOLONGAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**29 Mei 2012, KUALA LUMPUR –** YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini merasmikan mesyuarat kali pertama Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (MPPPKWP).

Perasmian ini dihadiri oleh kira-kira 400 orang penjaja dan peniaga kecil dari Wilayah Persekutuan. Manakala MPPPKWP yang merupakan jawatankuasa tertinggi dan jentera penggerak bagi Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan pada 26 Julai 2011 yang lalu mengorak langkah positif melalui **mesyuarat MPPPKWP kali pertama** pada hari ini yang terdiri daripada wakil penjaja dan peniaga kecil Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang dipengerusikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar.

**Dasar Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (DPPKWP)** diwujudkan bagi memastikan penjaja dan peniaga kecil dapat menjalankan perniagaan dengan lancar dan teratur serta membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan agar dapat melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan teratur. Di samping itu juga, penggubalan dasar ini dilaksanakan bagi membolehkan pihak Kementerian dan penjaja serta peniaga kecil dapat bekerjasama dalam memantapkan sektor ini.

**MPPPKWP ditubuhkan bertujuan** untuk:

- i) Menjadi forum untuk membantu dalam merancang, merangka dan menggubal sebarang bentuk dasar/strategi/peraturan/garis panduan bagi membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan;
- ii) Memperakukan langkah/inisiatif dan program pembangunan yang berkaitan dengan kepentingan dan kemajuan penjaja dan peniaga kecil;
- iii) Meningkatkan kerjasama di antara agensi Kerajaan, persatuan penjaja dan peniaga kecil serta badan bukan kerajaan dalam bidang perniagaan kecil bagi memastikan pelaksanaan dasar dan garis panduan dilaksanakan secara berkesan;
- iv) Menjadi bahan penghubung bagi menerima atau menyalurkan maklumat, aduan, cadangan berkaitan dengan penjaja dan peniaga kecil; dan
- v) Mengesyorkan insentif yang bersesuaian bagi meningkatkan kemajuan dan pembangunan penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan.

Sebagai usaha untuk memantapkan dasar yang telah diwujudkan itu, pihak Kementerian telah meneliti semula struktur dan keanggotaan MPPPKWP seperti yang dimohon oleh wakil persatuan penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan. **Struktur dan keanggotaan yang baru MPPPKWP** ini boleh dirujuk di senarai lampiran.

MPPPKWP adalah merupakan **satu mekanisme terbaik yang wujud bagi memastikan penyelarasan dasar dan strategi yang berkaitan dengan penjaja dan peniaga kecil dapat dilaksanakan secara berkesan** di samping dapat meningkatkan pembangunan penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan. Selain itu ia juga dapat meningkatkan kerjasama antara persatuan-persatuan penjaja dan peniaga kecil, agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi kerajaan berkaitan dalam membantu KWPKB dalam melaksanakan program-program pembangunan penjaja dan peniaga kecil ke arah mencapai matlamat menjadikan Wilayah Persekutuan “Maju dan Sejahtera”.

Kewujudan DPPPKWP menunjukkan bahawa kementerian mengambil pendekatan proaktif ke arah melahirkan masyarakat peniaga yang efisien dan berdaya maju dalam sektor tersebut. Gabungan komitmen, sokongan dan kerjasama sektor awam, swasta dan penjaja serta peniaga kecil pasti dapat merealisasikan kejayaan dasar ini sepenuhnya demi mencapai visi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

29 Mei 2012  
Kuala Lumpur